

# Hubungan

*Dr. Mahathir - overseas trips*

# Malaysia-

# India

Oleh  
**AHMAT  
WAHAB**

# kian mantap

**H**UBUNGAN antara Malaysia dan India memasuki dimensi baru berikutan kejayaan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke negara itu selama empat hari mulai 29 Januari lalu.

Berikutan lawatan itu, hubungan antara kedua-dua negara yang sudah terjalin sejak zaman-berzaman kini bukan saja bertambah kukuh, malah lebih mantap lagi.

Kedua-dua negara, lebih-lebih lagi kedua-dua pemimpin itu, kini lebih memahami satu sama lain serta juga kedudukan negara-negara masing dan ini pasti memungkinkan kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua negara dalam mengha-

nai hubungan dua hala tertumpu kepada soal ketidakseimbangan dalam perdagangan antara kedua-dua negara yang kini lebih menguntungkan Malaysia.

Menurut perangkaan perdagangan antara kedua-dua negara tahun lalu, Malaysia menikmati lebih dagangan bernilai lebih \$830 juta. Eksport utama Malaysia ialah minyak sawit, timah, getah dan balak.

Menurut Perdana Menteri, namun begitu Encik Rajiv amat bersikap realistik ketika menyentuh soal ini.

Katanya, walaupun pemimpin India itu mahu masalah ketidakseimbangan itu diatasi, beliau menerima hakikat bahawa agak mustahil ia dapat diatasi sepenuhnya.

Ini berdasarkan hakikat bahawa India dengan penduduk kira-kira 750 juta orang akan terus terpaksa bergantung kepada dunia luar, lebih-lebih minyak sawit bermutu dari Malaysia yang menjadi eksport utama di dunia.

dapi masalah-masalah yang dihadapi, bukan saja dalam hubungan dua hala, tetapi juga dalam menghadapi masalah dunia.

Bagi Datuk Seri Dr Mahathir, kejayaan lawatannya itu tentunya amat memuaskan kerana ia bukan saja mengeratkan persahabatannya dengan pemimpin-pemimpin India, khususnya Encik Rajiv, tetapi memberikannya kesempatan untuk memesrakan lagi persahabatan itu.

Ini juga tentunya sesuai dengan sikap Datuk Seri Dr Mahathir bahawa hubungan atau kontak peribadi penting dalam hubungan antara pemimpin dunia, kerana ini membolehkan mereka bertukar-tukar pendapat secara terus-terang tanpa segan silu.

Bertukar-tukar pendapat secara terus-terang dan segan-silu jugalah yang menjadi ciri terpenting yang menjayakan perbincangan "empati mata" antara kedua-dua pemimpin itu, sehingga ia memakan masa lebih dua jam.

## Pelbagai

Menurut Menteri Luar, Datuk Rais Yatim, yang turut sama dalam rombongan Datuk Seri Dr Mahathir, inilah pertama kali Datuk Seri Dr Mahathir mengadakan perbincangan sebegitu lama dengan mana-mana pemimpin dunia.

Perbincangan itu meliputi pelbagai perkara yang merangkumi hubungan dua hala, soal-soal antarabangsa, keamanan dunia dan perlumbaan senjata antara kuasa-kuasa besar dan kerjasama serantau.

Perbincangan menge-

Namun begitu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau mengemukakan beberapa pandangan mengenai masalah itu kepada Encik Rajiv dan menurutnya, pemimpin India itu "tertarik dengan pandangan-pandangan itu dan akan berusaha ke arah pencapaiannya".

## Masalah

Malaysia sebenarnya sudah pun memulakan usaha bagi mengurangkan masalah itu dengan mengambil tindakan-tindakan perlu. Ia sudah mencadangkan supaya usaha penggalakan barang-barang pembuatan India dijalankan di negara ini.

Ini dilakukan dengan mengundang pengusaha India menyertai pameran-pameran perdagangan dan perindustrian yang diadakan di Malaysia.

Satu lagi usaha ialah menggalakkan pelabur dan pedagang Malaysia menyertai dan melawat pameran-pameran perdagangan dan perindustrian yang diadakan di India. Ini akan memberi kesempatan kepada mereka mencari peluang melabur di negara itu.

Bagi membuktikan kesungguhannya untuk memperbaiki ketidakseimbangan dalam hubungan perdagangan antara kedua-dua negara, Malaysia juga sudah menawarkan kontrak pembinaan projek hidro bernilai \$40 juta di Sungai Piah, Perak kepada pemborong India.

Pemberian projek ini dilakukan secara tender yang dirundingkan dan ia adalah satu "ujian" bagi pemborong India.

Menurut Datuk Rais, kejayaan syarikat India itu melaksanakan projek berkenaan menepati

jadual serta mutu, pasti akan membuka peluang yang lebih luas kepada pengusaha India yang lain menyertai pembangunan di negara ini.

Satu lagi syor yang dibincangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir dengan Encik Rajiv ialah kemungkinan mengadakan kerjasama dalam pengeluaran komponen kereta.

Syor ini amat menarik kerana kedua-dua negara mempunyai projek kereta, masing-masing — Malaysia dengan Proton Saga yang dikeluarkan secara usahasama dengan Mitsubishi Jepun, manakala India dengan Maruti yang dikeluarkan secara usahasama dengan Suzuki, juga dari Jepun.

Kerjasama ini mungkin dapat dilaksanakan, lebih-lebih lagi kerana kedua-dua nega-

ra ini kini menghadapi masalah kenaikan nilai Yen yang menyebabkan harga komponen-komponen yang terpaksa diimport dari Jepun naik melambung.

Menurut syor itu, usahasama berkenaan boleh dilaksanakan di India kerana negara itu mempunyai kepakaran dalam bidang itu. Ini kerana selain mengeluarkan Maruti, India juga sudah lama mengeluarkan beberapa jenis kereta sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, usahasama ini jika dilaksanakan dan meliputi piawai, bermakna Malaysia akan membeli komponen-komponen itu dari India dan ini akan membantu mengurangkan ketidakseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara.

Seperkara lagi yang dibincangkan ialah keinginan India menyertai projek-projek pembangunan di Malaysia. Malah ia menawarkan rancangan pembiayaan bagi projek-projek pembangunan yang akan disertai.

Jika ini berjaya dilaksanakan, India bukan saja akan menjadi sahabat Malaysia yang erat dalam menghadapi isu-isu antarabangsa, malah ia akan menjadi rakan dalam pembangunan negara ini.

Dalam soal-soal antarabangsa pula, kedua-dua pemimpin itu membincangkan soal perlumbaan senjata dan penggunaan senjata nuklear oleh kuasa-kuasa asing, pendudukan Wilayah Arab oleh rejim Tel Aviv, masalah apartheid di Afrika Selatan, Kampuchea dan kerja-

# Bertukar-tukar pendapat secara terus terang dan tanpa segan silu menjadi ciri terpenting

sama Selatan-Selatan dan kerjasama serantau.

Pendirian Datuk Seri Dr Mahathir mengenai kerjasama Selatan-Selatan dan apartheid sudah begitu nyata — tegas dan lantang. Malah Encik Rajiv sendiri memuji dan menghargai pendirian dan sikap tegas Perdana Menteri.

Berucap di majlis malam meraikan Datuk Seri Dr Mahathir pada malam pertama lawatan itu, Encik Rajiv berkata beliau masih ingat akan sikap tegas pemimpin Malaysia itu

yang disuarakan di sidang Ketua-Ketua Kerajaan Komonwel di Nassau (Oktober 1985) dan di sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali di Harare, Zimbabwe (September 1986).

Kedua-dua India dan Malaysia bergerak cerdas dalam forum-forum dan pertubuhan antarabangsa serta dalam usaha menentang ketidakadilan yang wujud dalam hubungan antarabangsa masakini.

Datuk Seri Dr Mahathir, umpamanya, memainkan tugas penting dalam memper-

juangkan kepentingan negara-negara "Selatan" sehingga menghalang pembentukan Suruhanjaya Selatan-Selatan.

Encik Rajiv pula menentang keras dasar-dasar apartheid yang diadalkan oleh rejim Afrika Selatan dan berjaya memperjuangkan pembentukan Tabung Afrika bagi membantu negara-negara sekitar Afrika Selatan.

Kedua-dua negara bukan setakat menyuarakan sokongan kuat terhadap peranan dan usaha masing-masing, malah membuktikan dengan bersetuju memberi sumbangan bagi menjayakan matlamat yang dicita-citakan.

India, umpamanya, bersetuju menyumbangkan AS\$400,000 (kira-kira \$1 juta) kepada Suruhanjaya Selatan-

Selatan, manakala Malaysia pula bersetuju menyumbangkan bantuan "material" kepada Tabung Afrika.

Sebagai negara yang mempunyai kawasan pantai yang luas, kedua-dua negara bersama negara-negara lain dalam rantau masing-masing juga sedang memperjuangkan konsep kawasan aman bebas dan berkecuali.

India mahu Lautan Hindi bebas daripada pengaruh kuasa-kuasa besar, manakala Malaysia serta rakan-rakannya dalam Asean pula memperjuangkan konsep aman, bebas dan berkecuali serta bebas daripada senjata nuklear di kawasan Asean.

Dalam hubungan ini, kedua-dua pemimpin berpendapat mengenai perlunya hubungan antara

kedua-dua negara diperkukuhkan bukan saja dalam semangat kerjasama Selatan-Selatan, tetapi juga bagi merintis jalan ke arah kerjasama lebih erat antara Asean dan SAARC (Peratuan Bagi Kerjasama Serantau Negara-Negara Asia Selatan).

Berikutan kejayaan kedua-dua pemimpin memupuk persahabatan yang erat dan memandangkan persahabatan yang sama erat antara India dengan negara-negara Asean yang lain, adalah tidak mustahil kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua pertubuhan serantau itu tidak boleh diwujudkan.

Mungkin perkara ini dapat dibincangkan dengan lebih lanjut dan mendalam apabila Encik Rajiv membalas lawatan Datuk Seri Dr Mahathir.